

4 Januari 2018

Abang ajar adik menagih dadah

Penganggur berusia 23 tahun pengaruhi dua remaja itu sejak tiga tahun lalu

Abang ajar adik menagih dadah

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR — Seorang abang tergamak mempengaruhi dua adik perempuannya yang berusia belasan tahun untuk turut sama menagih dadah jenis syabu di rumah mereka di Kampung Rambutan, Padang Terap dekat sini sejak tiga tahun lalu.

Lelaki berusia 23 tahun dan dua beradik perempuan berusia 15 dan 19 tahun itu ditahan dalam operasi yang dilakukan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di kampung tersebut kira-kira pukul 4 pagi semalam.

Operasi yang bermula pukul 11 pagi kelmarin itu turut melibatkan Kampung Barokhas, Kampung Tualak dan Bukit Indin.

Ketua Pegawai AADK Pa-

dang Terap, Zainal Abidin Ismail berkata, jumlah tangkapan keseluruhan bagi operasi itu mencecah 10 individu yang disyaki penagih dadah.

"Ia (operasi) dilakukan berdasarkan aduan awam berhubung lokasi yang disyaki berlaku kegiatan penagihan dadah. Kita telah melakukan serbuan ke atas lima buah rumah dan seramai lapan lelaki dan dua perempuan berusia antara 15 hingga 30 tahun ditahan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kata beliau, operasi yang dilakukan di sebuah rumah di Kampung Rambutan pula berjaya menahan tiga beradik yang disyaki penagih dadah.

"Dalam serbuan itu, seorang lelaki berusia 23 tahun diper-

cayai mengajar dua adik perempuannya berusia 15 dan 19 tahun untuk menagih syabu sejak tiga tahun lalu.

"Turut ditahan dua lagi lelaki iaitu rakan kepada tiga beradik itu dan seorang lagi ialah kekasih kepada salah seorang remaja perempuan berkenaan," ujarnya.

Menurut Zainal Abidin, abang kepada dua remaja perempuan itu merupakan penganggur manakala kedua-dua adiknya tidak lagi bersekolah.

"Ibu bapa kepada tiga beradik itu bekerja sebagai penoreh getah dan berada di rumah ketika serbuan dilakukan," jelasnya.

Beliau menambah, hasil ujian saringan air kencing mendapat kesemua yang ditahan positif dadah jenis opiat dan syabu.



INILAH dua remaja perempuan yang dipercaya diajar oleh abangnya sendiri menagih dadah jenis syabu di rumah mereka di Kampung Rambutan, Padang Terap, Alor Setar.